

'Sokongan kepada PH utuh'

BH - 7/10/2019 mlb: 16

PM tolak dakwaan kepercayaan rakyat makin merosot

Oleh Haika Khazi dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Sokongan rakyat kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH) masih utuh, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menolak dakwaan kononnya sokongan kepada kerajaan semakin merosot, Perdana Menteri berkata beliau yakin rakyat memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk memperkenalkan dasar baharu untuk ke-baikannya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu berjaga-jaga dan tidak berasa terlalu selesa dengan sentimen rakyat yang ada kalanya boleh berubah mengikut masa dan waktu.

"Prestasi parti (PH) kita pada hari ini masih didokong oleh rakyat. Oleh itu kita berjaga-jaga supaya tidak merosot. Kita sedar ada pihak menyatakan sokongan kepada PH sudah menurun daripada 80 peratus kepada 38 peratus.

"Saya tidak tahu daripada mana dia buat kajian ini. Saya tengok ada orang nak bersalam, bergambar. Ini bukti sokongan masih ada," katanya pada sidang media selepas hadir majlis temu rapat bersama Ahli Parlimen PH dan Parti Warisan Sabah (WA-



Dr Mahathir, Dr Wan Azizah dan Anwar selepas majlis temu rapat bersama Ahli Parlimen PH dan WARISAN di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Roslin Mat Tahir/BH)

RISAN) di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu serta Ketua Penerangan WARISAN, Datuk Dr Yusof Yaakob.

Dr Mahathir berkata, tidak semua pendapat atau kajian yang kecil boleh dianggap tepat kerana ia belum tentu melambangkan konteks keseluruhannya.

"Kalau kita ada kajian yang bukan keseluruhannya, tetapi bertanya kepada sebilangan kecil tetapi pendapat diambil sebagai pendapat semua pihak, kita berpendapat ia tidak tepat.

"Sokongan kepada kerajaan

masih kuat. Kerajaan walaupun kita terdiri lima parti, tetapi kita masih dapat kekal sebagai kerajaan yang bincang semua masalah yang diterima semua.

"Inilah kerajaan ini. Kita tidak berasa khuatir kita akan berpecah sesama kita. Inilah kerajaan PH. Dengan adanya (majlis) temu rapat hubungan antara pemimpin dan wakil rakyat menjadi lebih baik dan hubungan ini akan diteruskan," katanya.

Mengulas majlis itu, Dr Mahathir berkata, pemimpin kerajaan perlu memberikan maklumat tepat kepada wakil rakyat bagi membolehkan penyampaian berkesan mengenai dasar kerajaan.

"Sudah tentu antaranya (maklumat) Wawasan Kemakmuran Bersama. Ini satu dasar baharu

yang perlu difahami semua pihak bukan hanya kerajaan dan wakil rakyat, tetapi rakyat perlu tahu apa Wawasan Kemakmuran Bersama ini.

"Kerana rakyat ingin tahu dan wakil rakyat boleh jelaskan apa pengisian dasar ini," katanya turut memaklumkan kehadiran 130 Ahli Parlimen PH dan WARISAN dalam majlis itu.

Menyentuh manifesto PH, Dr Mahathir berkata, biarpun ada janji yang sukar ditunaikan seperti pemansuhan tol, sebenarnya banyak janji lain yang sudah dicapai.

"Daripada manifesto, kita ada 60 peratus janji yang sudah dilaksanakan," katanya turut memaklumkan ada janji yang memerlukan penelitian kerajaan sebelum ia dilaksanakan.